

Perpaduan pupuk rasa cintakan parti

BH 12 MAY 2000

PERPADUAN di kalangan ahli Umno boleh dicapai dalam jangka waktu singkat selepas setiap pertandingan, jika pemimpin yang dipilih dapat melaksanakan tugasnya dengan baik.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, juga percaya barisan ahli akan dapat dirapatkan jika ahli sendiri sedar mengenai kepentingan perpaduan dan rasa sayang terhadap parti.

Sambil menyifatkan perlawanan merebut jawatan dalam parti sebagai satu proses biasa, beliau yakin ahli Umno akan bersatu dalam apa keadaan sekali pun.

"Wanita Umno lain sikit, ikut sejarah mereka semua akan pulang semula kepada perjuangan asal Umno. Pemimpin yang ambil alih dapat melaksanakan tanggungjawab, ahli akan balik semula..." katanya ketika ditanya mengenai perpaduan Wanita selepas memenangi pertandingan merebut jawatan Ketua Wanita malam.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, perpaduan di kalangan ahli Umno tidak boleh diikhtir dan diformula, tetapi ia mesti datang kerana ahliparti sendiri inginkan perpaduan dan sayangkan Umno.

"Insya-Allah, seperti sebelum ini juga golongan akar umbi akan terus menyayangi Umno, tidak

kira siapa ketuanya. Kalau kita buat kerja, mereka akan terima," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya Wanita Umno menjadikan pemakaian selendang atau tudung sebagai sebahagian pakaian seragam, selain kain sarong merah dan baju Melayu putih.

Katanya, langkah itu dibuat bagi mengelakkan rasa tidak lesa sesetengah ahli Wanita terhadap isu pemakaian tudung yang sibuk diperkatakan ketika kempen perebutan jawatan Exco tertinggi Wanita Umno.

Beliau berharap dengan adanya keseragaman dari segi pemakaian selendang atau tudung di kalangan ahli Wanita ketika menghadiri mana-mana majlis anjuran Wanita dan parti, jurang antara pemimpin dan ahli akan dapat dikurangkan.

Mengenai ucapan dasar Presiden parti, Rafidah melihat ada di kalangan generasi muda yang beranggapan budaya kurang ajar adalah sesuatu yang mencerminkan sifat 'kejantanan' seseorang.

Katanya, jika budaya tidak tahu menghormati orang tua, tidak berdisiulin itu dibiarkan berleluasa, ia akan menjadi satu budaya yang tidak sihat dalam masyarakat.

Rafidah juga bersedipati terhadap Presiden parti yang terpaksa selalu mengingatkan perwakilan dan ahli Umno supaya mementingkan perjuangan dan perpaduan parti.

"Walaupun saya tahu ramai yang bosan dengan pesanan dan nasihat Presiden, ia perlu diingatkan sepanjang masa. Kebanyakan daripada yang hadir hari ini juga adalah orang baru," katanya.